



TAHNIAH..... Ahli Kumpulan Regiment (duduk) dan Eureka Hrd Solution menunjukkan anugerah emas dan perak, cendera mata dan sijil yang dimenangi sempena Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012.



PEMERHATI.... Kumpulan KIK UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) turut menghadiri Konvensyen KIK 2012 sebagai pemerhati.

NST 17.07.2012 7

## UMS menang Anugerah Emas KIK 2012

LABUAN: Dua kumpulan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) masing-masing meraih Anugerah Emas dan Perak pada Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah 2012 yang berlangsung di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak, baru-baru ini.

Kumpulan Regiment meraih Anugerah Emas selepas menyampaikan projek bertajuk Proses Penerimaan Borang LNPT Mengambil Masa Yang Panjang manakala kumpulan Eureka Hrd Solution memenangi Anugerah Perak dengan tajuk projek Kelewatan Penghantaran Laporan Kemajuan Kakitangan Akademik Yang Sedang Cuti Belajar.

Kumpulan Regiment diwakili Alna Tugon selaku ketua kumpulan, Noor Hapipah Samat, Stella @ Nurul Martini Gontol, Awang Jamaluddin Jumat, Mohammad Asly Buncho, Emily Singan, Shahzrol Latif, Leopold Modies Falix, Patricia Joseph dan Anisah Awang manakala Luqman Ridha Anwar bertindak sebagai Fasilitator.

Kumpulan Eureka Hrd Solution pula diketuai Syahrul Hazizi Asmat bersama tujuh ahli iaitu Joehan Joehari William, Abd Nawi Ngah, Adrian Amatus, Mohd Afiz Mabni @ Matbee, Jennifer Fan, Marliana John dan Noorazian Saili manakala Fasilitator, Suhaimie Sahabuddin.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Dato Jacob Dungau Sagan menyampaikan anugerah, sijil dan cenderamata kepada pemenang.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah I, MPC, Ahmad Fadzil Mohamad dan Pengarah MPC Wilayah Sarawak, Suhaimy Abd Talib.

Konvensyen yang dianjurkan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) itu bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai aspek produktiviti dan inovasi, menggalakkan peningkatan aktiviti kumpulan inovatif dan kreatif di seluruh negara.

Selain itu, ia untuk memberi peluang kepada kumpulan inovatif dan kreatif berkongsi pengalaman serta pengetahuan dalam usaha meningkatkan lagi prestasi kumpulan.

Konvensyen itu juga bertujuan untuk memilih kumpulan Inovatif dan Kreatif terbaik di peringkat wilayah untuk dicalonkan menyertai Konvensyen ICC MPC Peringkat Kebangsaan.

Sementara itu, UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) turut menghantar Kumpulan KIK dan Amalan Persekutuan Berkualiti 5S sebagai pemerhati di konvensyen itu pada tahun ini.

Kumpulan UMS-KAL diwakili Noraini Samsu sebagai ketua kumpulan bersama Baharin Entoh, Mas Adi Alimin, Ag Suhaizan Ag Suang, Didiroy Dickson Joneh dan Azri Onn Othman.- OLEH JAINUDIN DJIMIN ([jainudin@newsabahtimes.com.my](mailto:jainudin@newsabahtimes.com.my))